



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri  
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211  
Faks : 603-8889 4479

JDN.100-1/7/1 ( 8 )  
16 Julai 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMANTAPAN PENGURUSAN PROJEK ICT KERAJAAN**

Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan aspirasi Kerajaan bagi memastikan projek ICT Kerajaan dilaksanakan dengan berkesan, Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Jun 2024 telah memutuskan agar perolehan projek ICT Kerajaan disemak semula.

3. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 telah ditambah baik bagi memastikan kelulusan teknikal dijadikan sebagai prasyarat kepada permohonan peruntukan projek ICT

Kementerian dan agensi mulai tarikh kuat kuasa Surat Pekeliling Am yang baharu. Oleh itu, mana-mana projek ICT yang belum diluluskan peruntukan hendaklah mendapatkan kelulusan teknikal daripada Jabatan Digital Negara (JDN) terlebih dahulu.

4. Manakala, semua projek ICT Kementerian dan agensi yang telah diluluskan peruntukan dan belum dilaksanakan, hendaklah dibentangkan semula kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan pelaksanaan.


5. Saya berharap perkara ini dapat diberikan keutamaan dan tindakan segera perlu diambil bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek ICT dan arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI)**